

KARANGAN BIOGRAFI

Lengkapkan tempat kosong dalam karangan di bawah dengan jawapan yang sesuai.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ialah Perdana Menteri Malaysia yang pertama selepas negara _____ kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 . Beliau _____ pada 8 Februari 1903 di Alor Setar, Kedah Darul Aman. Tunku Abdul Rahman merupakan keturunan Sultan Kedah iaitu anakanda kepada Sultan Abdul Halim Syah.

Tunku Abdul Rahman menerima pendidikan awal di sebuah sekolah Inggeris di Alor Setar. Kemudian beliau melanjutkan _____ ke England. Setelah tamat _____, beliau kembali ke tanah air. Tunku Abdul Rahman pernah memegang jawatan penting seperti _____ Pegawai Daerah di Kedah.

Selain itu, beliau turut cergas dalam politik. Sebagai anak raja yang _____ dan berpelajaran tinggi, Tunku Abdul Rahman berjaya _____ dirinya dalam arena politik.

Beliau terpilih sebagai Presiden UMNO dan sama-sama memperjuangkan kemerdekaan negara. Oleh itu beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang pertama apabila Tanah Melayu mencapai _____.

Tunku Abdul Rahman yang digelar 'Bapa Kemerdekaan' itu telah menjadi Perdana Menteri hingga tahun 1970. Beliau meninggal dunia pada tahun 1990 ketika _____ 87 tahun. Jasa-jasa yang telah _____ oleh beliau tidak ternilai.

pelajaran

mencapai

dilahirkan

belajar

ditabur

menjadi

berusia

kemerdekaan

menempatkan

dihormati